

Warganegara Malaysia yang berkelayakan, berdaya saing, berwawasan, berfikiran dinamik dan mempunyai keyakinan yang tinggi serta boleh menyumbang ke arah kecemerlangan, dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan di LPPKN.

A. JAWATAN (KONTRAK)

Jawatan / Gred	Skala Gaji	Elaun Tetap	Cuti Rehat Tahunan
Pegawai Penerangan Gred S52	P1T1 RM4894.91 – P1T8 RM6317.03 P2T1 RM5359.67 – P2T8 RM6898.69	ITK : RM600.00 ITP : RM700.00 BSH : RM300.00	25 hari
Perangkawan Gred E52	P1T1 RM4897.69 – P1T8 RM6319.81 P2T1RM5362.45 – P2T8 RM6901.47	ITK : RM600.00 ITP : RM700.00 BSH : RM300.00	25 hari
Akauntan Gred W48	P1T1 RM4387.01 – P1T8 RM5818.86 P2T1RM4821.16 – P2T8 RM6369.91	ITK : RM550.00 ITP : RM700.00 BSH : RM300.00	25 hari

Nota:

- ITK : Imbuan Tetap Keraiian
- ITP : Imbuan Tetap Perumahan
- BSH : Bantuan Sara Hidup

B. SYARAT-SYARAT

1. Pegawai Penerangan Gred S52 (Kontrak)

- (a) Memiliki kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Sosial/ atau Antropologi dan Sosiologi/ atau Komunikasi Massa/ atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (b) Berumur 35 tahun dan ke atas;
- (c) Mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 10 - 15 tahun;
- (d) Pesara dan mereka yang mempunyai kelayakan di peringkat Sarjana atau Ph.D dalam bidang yang berkaitan digalakkan untuk memohon;
- (e) Keutamaan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman seperti:-
 - Merancang dan mewujudkan kepelbagaian strategi advokasi dan promosi bagi mengukuh dan meningkatkan kesedaran penggubal dasar, perancang program dan masyarakat tentang kepentingan pembangunan keluarga.
 - Merancang, melaksana dan menganalisis hasil kajian dan penyelidikan berkaitan pembangunan keluarga sebagai input kepada penggubalan program intervensi.
 - Menyedia input teknikal dalam aspek perkahwinan, keibubapaan dan kekeluargaan bagi tujuan penyebaran kepada penggubal dasar, perancang program, pelaksana program dan masyarakat.
 - Merancang dan membangunkan pakej modul latihan, projek perintis dan inisiatif baru dalam aspek perkahwinan, keibubapaan dan kekeluargaan.
 - Merancang, membangun dan menerbitkan bahan-bahan pendidikan seperti jurnal, artikel majalah, risalah, poster, buku dan bahan penerbitan lain bagi tujuan pameran, promosi, sebaran umum di dalam dan luar negara.
- (f) Fasih dalam penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (pertuturan dan penulisan);
- (g) Bersih dari tindakan tatatertib; dan
- (h) Lulus pemeriksaan kesihatan.

Gaji Permulaan : Berdasarkan pengalaman dan kelayakan

Deskripsi Tugas :

- Menjalankan tugas Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga.
- Bertanggungjawab dalam membangun, menilai dan menambahbaik program dan aktiviti LPPKN. Membangunkan khidmat kepakaran untuk pendidikan dan latihan dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan kesihatan reproduktif.
- Menyelaraskan dan mengawal selia perkhidmatan kaucusing dan runding cara di peringkat ibu pejabat dan negeri.

2. Perangkawan Gred E52 (Kontrak)

- (a) Memiliki kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang ekonomi atau statistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (b) Berumur 35 tahun dan ke atas;
- (c) Mempunyai pengalaman 10 – 15 tahun dalam bidang berkaitan;
- (d) Pesara dan mereka yang mempunyai kelayakan di peringkat Sarjana atau Ph.D dalam bidang yang berkaitan digalakkan untuk memohon;
- (e) Keutamaan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman seperti:-
 - Melaksana kerja-kerja lapangan kajian dalam bidang kekeluargaan/ kependudukan/ kesihatan reproduktif.
 - Menganalisis hasil kajian dan penyelidikan.
 - Berkebolehan menulis laporan kajian dalam Bahasa Inggeris.
- (f) Pengetahuan dalam mengguna pakej perisian komputer untuk mengumpul, menganalisis dan mengurus maklumat dan data;
- (g) Pengalaman dalam kaedah pengumpulan data seperti temubual bersemuka, *focus group discussion*, kajian atas talian, telefon dan sebagainya;
- (h) Fasih dalam penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (pertuturan dan penulisan);
- (i) Bersih dari tindakan tatatertib; dan
- (j) Lulus pemeriksaan kesihatan.

Gaji Permulaan : Berdasarkan pengalaman dan kelayakan

Deskripsi Tugas :

- Menjalankan tugas Pengarah Bahagian Kependudukan
- Bertanggungjawab merancang, merangka dan mengurus kajian termasuk aktiviti pengumpulan, pemrosesan, penganalisan, penyediaan laporan dan penyebaran data dalam bidang kependudukan, demografi dan bidang lain-lain yang diperlukan dari semasa ke semasa untuk perancangan pembangunan dan pentadbiran negara

3. Akauntan Gred W48 (Kontrak)

- (a) Memiliki ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia atau Badan-Badan Iktisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- (b) Berumur 35 tahun dan ke atas;
- (c) Mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 10 tahun;
- (d) Mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang;
- (e) Bersih dari tindakan tatatertib; dan
- (f) Lulus pemeriksaan kesihatan.

Gaji Permulaan : Berdasarkan pengalaman dan kelayakan

Deskripsi Tugas :

- Menjalankan tugas Ketua Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan.
- Bertanggungjawab mengurus, menyelaraskan dan memantau urusan kewangan dan perakaunan LPPKN dari segi belanjawan, perbelanjaan, terimaan hasil dan hal-hal lain berkaitan kewangan.

C. RAWATAN PERUBATAN

Taraf	Kelayakan
Kontrak	Rawatan perubatan di hospital Kerajaan dan juga panel-panel klinik yang dilantik oleh LPPKN untuk pegawai/kakitangan, suami/isteri dan anak-anak sahaja.

D. TEMPOH KONTRAK

Tempoh pelantikan untuk semua calon- calon yang dilantik **secara kontrak** adalah selama **2 tahun** tertakluk kepada prestasi kerja yang memuaskan.

E. CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui laman web www.jobsmalaysia.gov.my sahaja.

F. TARIKH TUTUP

Tarikh tutup permohonan : **23 APRIL 2012 (ISNIN)**

G. CATATAN AM

1. Sebarang permohonan yang lewat atau tidak lengkap, tidak akan dilayan dan akan dianggap tidak berjaya.
2. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/ senarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk ujian bertulis dan/ atau temuduga.
3. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh pihak LPPKN.
4. Pemohon yang mempunyai kelayakan ijazah dari Institusi Luar Negara dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) hendaklah mengemukakan surat pengiktirafan dari pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

